

Ubah persepsi anggapan mitos

■ Masyarakat perlu sokong usaha dua pensyarah buktikan Hang Tuah memang wujud

Oleh Nur Saliawati Salberi
nursaliawati@mediapri-
ma.com.my
Melaka

Usaha dua pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) melakukan penyelidikan mengenai kesahihan Hang Tuah diharap dapat mengubah persepsi ramai termasuk tanggapan sesetengah pakar sejarah serta masyarakat Melayu sendiri.

Walaupun bukti penemuan masih di peringkat awal dan perlu menjalani



LAPORAN Harian Metro
5 Disember lalu.

kajian selanjutnya, namun penemuan itu tetap satu kejayaan yang dapat me-

“Segelintir masyarakat mengambil jalan mudah dengan hanya mengatakan itu hanya dongeng sedangkan mereka tidak melakukan penyelidikan”

Dr Aziz Ujang

nambah keyakinan bahawa wujudnya seorang pahlawan hebat dalam se-

jarah Melayu.

Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme (IKSEP) Datuk Dr Aziz Ujang berkata, secara rasionalnya Hang Tuah memang wujud dan perlu diakui masyarakat Melayu kerana jika kewujudannya dianggap mitos, kewujudan Hang Jebat, Hang Kasturi dan mereka yang lain juga dianggap mitos.

Katanya, apabila ada pihak yang tampil melakukan penyelidikan seperti itu, maka akan ada penemuan baru yang dapat mengukuhkan lagi bukti ke-

wujudan pahlawan berkenaan.

“Segelintir masyarakat mengambil jalan mudah dengan hanya mengatakan mereka tidak melakukan penyelidikan mahupun membuat bacaan terlebih mengenai sejarah yang ada.

“Sepatutnya masyarakat Melayu perlu menyokong kerana berdasarkan bukti yang ada bukan saja di Malaysia, malah seperti di negeri Hang Tuah di Thailand itu cukup memberikan keyakinan mengenai wujud-

nya Hang Tuah,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, kewujudan laksamana Melaka itu boleh dikatakan mitos, dongeng atau fiksyen jika zaman kesultanan Melayu Melaka tiada.

Harian Metro Sabtu lalu melaporkan pertemuan Laksamana Hang Tuah dengan pelukis tersohor dunia dalam buku Notes of Leonardo da Vinci membuktikan pahlawan legenda Melayu berkenaan memang benar-benar wujud.